

**D.R. 5/99**

Naskhah Sahih—**Bahasa** Kebangsaan

**RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN  
(PINDAAN) 1999**

---

**SUSUNAN FASAL**

---

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Fasal**

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

**BAHAGIAN II**

**PERTUKARAN ASAS TAKSIRAN**

2. Penggantian seksyen 20
3. Penggantian seksyen 21
4. Penggantian seksyen 42
5. Pindaan seksyen 77
6. Pindaan seksyen 92

**BAHAGIAN III**

**PERUNTUKAN PERALIHAN**

7. Peruntukan am
8. Pelepasan cukai
9. Tempoh asas dalam hal tertentu
10. Tempoh asas tidak boleh melebihi dua belas bulan
11. Elaun modal disifatkan telah dituntut
12. Akaun kecuali

## Fasal

13. Sekatan terhadap pembayaran kepada pengarah syarikat terkawal
14. Transaksi antara syarikat dalam kumpulan yang sama
15. Pengeluaran stok niaga tidak diambil kira
16. Cukai ke atas pendapatan jika pelepasan tidak terpakai
17. Tahun taksiran 2000
18. Peruntukan kecualian dan peralihan

## RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1999.

(2) Seksyen 2, 3, 5 dan 6 Akta ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2000 dan seksyen 20, 21, 77 dan 92 yang dipinda melalui seksyen itu hendaklah berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2000 berkenaan dengan tempoh asas yang berakhir dalam tahun 1999.

(3) Seksyen 4 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2000 dan pindaan dalam seksyen itu hendaklah berkuat kuasa bagi tahun taksiran 1999 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(4) Seksyen 7 hingga 16 hendaklah berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2000 berkenaan dengan tempoh asas yang berakhir dalam tahun 2000 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(5) Seksyen 17 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2000.

## BAHAGIAN II

## PERTUKARAN ASAS TAKSIRAN

**Penggantian seksyen 20**

2. Akta Cukai Pendapatan 1967[*Akta 53*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dengan menggantikan seksyen 20 dengan seksyen yang berikut:

"Basis  
years 20. For the purposes of this Act, the calendar year coinciding with a year of assessment shall constitute the basis year for that year of assessment."

**Penggantian seksyen 21**

3. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 21 dengan seksyen yang berikut:

"Basis  
period. 21. (1) Except as provided in this section, the basis year for a year of assessment shall constitute, in relation to a source of a person, the basis period for that year of assessment.

(2) Subject to subsections (5) and (6), where a person has made up the accounts of his business for a period of twelve months ending on a day other than 31 December in the basis year, then, that period shall constitute the basis period for that year of assessment for the source consisting of that business.

(3) Where a person has made up the accounts of his business for a period of twelve months ending on a day other than 31 December and there is a failure to make up the accounts of the business ending on the corresponding day in the following basis year, the Director General may direct that the basis period for the year of assessment in which the failure occurs or, the basis periods for that year and the following year of assessment, shall consist of a period or periods (which may be of any length) as specified in the direction.

(4) Subject to subsections (5) and (6), where a person commences a business on a day in a basis year and makes up the accounts of his business for a period of twelve months ending on a day other than 31 December, then, there shall be no basis period in relation to the business for the first year.

(5) Where—

(a) a company commences a business and—

(i) is required under any law of the place of incorporation to make up its accounts ending on a specified day; or

(ii) being a company within a group of companies makes up its accounts ending on the same day as that of all other companies in that group; or

(b) a person becomes a partner in an existing partnership or a partner of a person who is carrying on a business as a sole proprietor in a basis year and the accounts of the business of the existing partnership or the business of the sole proprietor have been made up for its normal accounting period.

the period which begins from the day the company commences the business or the person becomes a partner until the end of the accounting period of the business shall constitute for that business of that company or person, the basis period for that year of assessment.

(6) Where a company on the day on which it commences a new business is already carrying on one or more businesses, the basis period appropriate to the existing business or to whichever of the existing businesses first commenced by the company for a year of assessment in which that day falls shall constitute for the new business the basis period for that year of assessment and there shall be no basis period for the new business for any year of assessment preceding that year and where it is not possible to ascertain which of the existing businesses was first commenced by that company the Director General

shall give a direction specifying which of the existing businesses is to be taken for the purposes of this subsection.

(7) In subsections (4) and (6), references to a person or company commencing to carry on a business shall be construed only as references to cases where the person or company in question commences to carry on—

- (a) his or its own business; or
- (b) the business of another person or company, being a business not previously carried on by that other person or any agent of his."

### **Penggantian seksyen 42**

4. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 42 dengan seksyen yang berikut:

<sup>‘statutory</sup>  
<sup>income</sup> 42. (1) Subject to this Act, the statutory income (if any) of a person from a source for a year of assessment (that year of assessment being in this section referred to as the relevant year) shall consist of—

- (a) the amount of his adjusted income (if any) from that source for the basis period for the relevant year; and
- (b) the amount of—
  - (i) any balancing charge or the aggregate amount of the balancing charges;
  - (ii) any agriculture charge or the aggregate amount of the agriculture charges; and
  - (iii) any forest charge or the aggregate amount of the forest charges,

falling to be made for the relevant year under Schedule 3 in relation to that source,

reduced by the amount of any allowance or the aggregate amount of the allowances falling to be made for the relevant year under that Schedule in relation to that source.

(2) Where the basis period for the relevant year overlaps the basis period for the immediately preceding year of assessment, the amount of adjusted income for the basis period for the relevant year shall be taken to be reduced by a sum determined in accordance with the formula—

$$A \quad \times \quad \frac{B}{C}$$

where A is the amount of the adjusted income for the basis period for the relevant year;  
B is the length of the period of the overlap;  
and  
C is the length of the basis period for the relevant year."

### **Pindaan seksyen 77**

5. Seksyen 77 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Every person who is chargeable to tax for a year of assessment shall, before 15 April of the following year of assessment, give notice to the Director General that he is so chargeable, unless he has been required to make a return under subsection (1)."

### **Pindaan seksyen 92**

6. Seksyen 92 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Subject to this section—

(a) where in a year of assessment a person ceases to possess a source consisting of a business the Director General may in that year make an assessment in respect of that person and income from that source for that year of assessment and the following year of assessment;

- (b) where in a year of assessment a person commences to receive income in respect of income from an employment or in respect of any pension, annuity, or other periodical payments falling under section 4(e), the Director General may in that year make an assessment in respect of that person and income from that source for that year of assessment and each of the subsequent years of assessment;
- (c) where in a year of assessment the Director General is satisfied that a person who possesses a source is about to leave Malaysia and—
  - (i) that person is likely to cease to possess that source in that year of assessment or the following year of assessment; or
  - (ii) it is desirable for other reasons that an assessment be made in respect of that person,

he may in that year make an assessment in respect of that person and income from that source or from any source for that year of assessment and the following year of assessment;

- (d) where a person who has ceased to possess a source in a year of assessment receives income from that source after the end of that year (being income which has not been or does not fall to be included in the gross income of that person from that source for any preceding basis period) the Director General may in the year of assessment in which that income is received make an assessment in respect of that person and that income for that year of assessment;
- (e) where in a year of assessment a person is chargeable to tax in consequence of the application of section 54(2) to a business, the Director General may at any time in that year make an assessment in respect of that person and any income from that business for that year of assessment; and
- (f) where the basis period for a year of assessment in respect of a business or businesses of a person is a period of twelve months ending on a day other than 31 December in a basis year the Director General, if he thinks fit, may

in that year make an assessment in respect of that person and income from that business or those businesses, as the case may be, for that year of assessment."

### BAHAGIAN III

#### PERUNTUKAN PERALIHAN

##### **Peruntukan am**

7. (1) Akta ibu hendaklah terpakai bagi maksud Bahagian ini melainkan diperuntukkan selainnya.

(2) Jika terdapat apa-apa ketidakselarasan antara mana-mana peruntukan Bahagian ini dengan mana-mana peruntukan Akta ibu, peruntukan Akta ibu itu adalah menjadi terbatal sctakat yang peruntukan itu tidak selaras.

##### **Pelepasan cukai**

8. Cukai ke atas pendapatan mana-mana orang bagi tahun taksiran 2000 hendaklah dilepaskan melainkan cukai ke atas yang berikut:

- (a) pendapatan daripada suatu penggajian yang diterima oleh seorang individu bukan warganegara atau bukan pemastautin yang mula atau tamat penggajian itu dalam tahun 1999;
- (b) dividen, walaupun dividen itu dianggap pendapatan perniagaan; dan
- (c) pendapatan yang tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 109, 109B atau 109C Akta ibu.

##### **Tempoh asas dalam hal tertentu**

9. Jika akaun suatu perniagaan disediakan kepada suatu tarikh selain 31 Disember dalam tahun 1998 dan tempoh perakaunan itu diambil sebagai tempoh asas berkenaan perniagaan itu bagi tahun taksiran 1999 dan perniagaan itu tamat dalam tahun 1998 selepas tempoh perakaunan itu, tempoh yang bermula dari hari selepas tempoh asas itu berakhir sehingga hari perniagaan tamat hendaklah bagi maksud pelepasan itu disifatkan sebagai tempoh asas yang berakhir dalam tahun 1999.

**Tempoh asas tidak boleh melebihi dua belas bulan**

10. Jika akaun suatu perniagaan disediakan bagi tempoh yang melebihi dua belas bulan, tempoh asas bagi tahun taksiran 2000 bagi perniagaan yang berkenaan dengannya akaun itu telah dibuat tidak boleh melebihi dua belas bulan dan tempoh yang selebihnya hendaklah menjadi sebahagian daripada tempoh asas bagi punca itu bagi tahun taksiran yang berikutnya.

**Elaun modal disifatkan telah dituntut**

11. Bagi maksud menentukan pendapatan berkanun daripada suatu perniagaan bagi tahun taksiran 2000, elaun di bawah Jadual 3 kepada Akta ibu hendaklah dibenarkan seolah-olah tuntutan untuk elaun itu telah dibuat di bawah perenggan 77 Jadual itu.

**Akaun kecuali**

12. Dalam hal suatu syarikat, suatu jumlah yang bersamaan dengan pendapatan tercukai yang cukai ke atasnya dilepaskan di bawah seksyen 8 Akta ini hendaklah dikreditkan ke dalam suatu akaun yang disimpan oleh syarikat itu dan perenggan 5 dan 6 Jadual 7A kepada Akta ibu hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi akaun tersebut.

**Sekatan terhadap pembayaran kepada pengarah syarikat terkawal**

13. Dalam menentukan jumlah kerugian larasan perniagaan suatu syarikat terkawal, potongan tidak boleh dibenarkan berkenaan dengan mana-mana bayaran yang dibuat oleh syarikat itu kepada pengarah syarikat itu yang bukan pengarah yang berkhidmat sepenuh masa, yang melebihi jumlah bayaran yang dibuat bagi tempoh asas sebelumnya yang berakhir dalam tahun 1998.

**Transaksi antara syarikat dalam kumpulan yang sama**

14. Pelupusan stok niaga antara syarikat dalam kumpulan yang sama hendaklah dikira pada harga kos melainkan jika dibuktikan sehingga Ketua Pengarah berpuas hati bahawa pelupusan itu dibuat dalam perjalanan biasa urusan perdagangannya.

### **Pengeluaran stok niaga tidak diambil kira**

15. Pengeluaran apa-apa stok niaga yang terdiri daripada harta tanah oleh sesuatu syarikat untuk kegunaannya sendiri tidak boleh diambil kira dan mana-mana pelupusan harta tanah itu selepas itu hendaklah dianggap sebagai pelupusan stok niaga.

### **Cukai ke atas pendapatan jika pelepasan tidak terpakai**

16. Cukai berkaitan dengan pendapatan berkenaan dengan dividen atau pendapatan daripada penggajian yang disebut dalam perenggan 8(a) dan (b) Akta ini adalah perbezaan antara cukai yang dikenakan ke atas pendapatan tercukai dengan cukai yang dikenakan ke atas pendapatan tercukai itu yang tidak termasuk pendapatan berkanun berkenaan dengan dividen atau penggajian itu atau kedua-duanya.

### **Tahun taksiran 2000**

17. (1) Bagi mengelakkan keraguan, adalah dengan ini diisytiharkan bahawa dalam tahun taksiran 2000, ada dua tahun taksiran, iaitu—

- (a) tahun taksiran 2000 berkenaan dengan tempoh asas yang berakhir pada tahun 1999 (berasaskan tahun sebelum); dan
- (b) tahun taksiran 2000 berkenaan dengan tempoh asas yang berakhir pada tahun 2000 (berasaskan tahun semasa).

(2) Tahun taksiran 2000 berasaskan tahun semasa ialah tahun taksiran yang berasingan yang mengikuti tahun taksiran 2000 berasaskan tahun sebelum.

### **Peruntukan kecualian dan peralihan**

18. Jika mana-mana orang boleh dikenakan cukai berasaskan tahun sebelum di bawah seksyen 20 dan 21 Akta ibu sebelum mula berkuatkuasanya pindaan kepada seksyen itu dalam Akta ini, maka orang itu hendaklah terus dikenakan yang demikian itu.

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 ("Akta 53").

2. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 20 Akta 53. Pindaan yang dicadangkan memperuntukkan bahawa tahun asas dan tahun taksiran ialah tahun kalendar yang sama. Sebelum pindaan ini, tahun asas bagi tahun taksiran ialah tahun kalendar sebelumnya. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari 1 Januari 2000.

3. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 21 Akta 53. Subseksyen (2) yang baru memperuntukkan secara khusus bahawa jika akaun perniagaan disediakan untuk tempoh selama dua belas bulan yang meliputi dua tahun kalendar, tempoh dua belas bulan tersebut hendaklah dikira sebagai tempoh asas bagi tahun taksiran untuk perniagaan tersebut. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari 1 Januari 2000.

4. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 42 Akta 53. Pindaan ini memasukkan subseksyen (2) bagi memperuntukkan bahawa jika dua tempoh asas bertindih, pendapatan larasan hendaklah diagihkan atas asas masa supaya pendapatan tersebut dibahagikan sama rata selama tempoh tersebut dan pendapatan yang berkaitan dengan tempoh bertindih tersebut tidak akan dicukai dua kali. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari tahun taksiran 1999.

5. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 77 Akta 53. Subseksyen (2) dipinda bagi memperuntukkan bahawa jika seseorang yang dikenakan cukai tidak dikehendaki mengemukakan penyata di bawah subseksyen (1), orang itu kini berkewajipan untuk memberitahu Ketua Pengarah sebelum 15 April tahun berikutnya bahawa dia patut dikenakan cukai. Pindaan ini akan berkuat kuasa dari 1 Januari 2000.

6. *Fasal 8* bertujuan untuk memperuntukkan bahawa cukai ke atas pendapatan yang didapati dalam tempoh asas yang berakhir pada tahun 1999, selain yang dinyatakan dalam *fasal* itu, hendaklah dilepaskan. Pindaan ini akan berkuat kuasa untuk tahun taksiran 2000 yang berasaskan tahun sebelumnya.

7. *Fasal 9* dimasukkan untuk memperuntukkan bahawa tempoh asas untuk tahun taksiran 2000 berkenaan dengan seseorang yang tamat perniagaannya dalam tahun 1998 ialah tempoh yang bermula selepas tempoh asasnya yang terakhir sehingga hari penamatan tersebut. *Fasal* ini memperuntukkan sedemikian bagi membolehkan orang itu terus mendapat manfaat daripada pelepasan tersebut. Pindaan ini akan berkuat kuasa untuk tahun taksiran 2000 yang berasaskan tahun sebelumnya.

8. *Fasal 10* dimasukkan untuk memperuntukkan bahawa jika akaun suatu perniagaan disediakan untuk tempoh yang melebihi dua belas bulan, cukai hendaklah dilepaskan bagi pendapatan untuk tempoh dua belas bulan pertama dan tempoh yang selebihnya hendaklah dikira sebagai sebahagian daripada tempoh asas untuk tahun taksiran 2000 berasaskan tahun semasa. Pindaan ini akan berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2000 yang berasaskan tahun sebelumnya.

9. *Fasal 11* dimasukkan bagi memperuntukkan bahawa untuk tujuan pelepasan, elaun di bawah Jadual 3 kepada Akta 53 hendaklah diberikan seolah-olah tuntutan untuk elaun tersebut telah dibuat. Pindaan ini akan berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2000 yang berasaskan tahun sebelumnya.

10. *Fasal 12* memperuntukkan bahawa suatu jumlah yang bersamaan dengan pendapatan tercukai yang mengenainya cukai dilepaskan dikreditkan kepada akaun kecuali. Peruntukan perenggan 5 dan 6 Jadual 7A kepada Akta 53 yang menetapkan peraturan bagi akaun kecuali hendaklah terpakai bagi peruntukan ini. Pindaan ini akan berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2000 yang berasaskan tahun sebelumnya.

11. *Fasal 13* hingga 75 ialah peruntukan elak cukai bagi mengelakkan mant'aat yang tidak wajar diambil ke atas pelepasan. Pindaan ini akan berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2000 yang berasaskan tahun sebelumnya.

12. *Fasal 16* mengadakan peruntukan bagi pengiraan cukai ke atas pendapatan yang tidak mendapat pelepasan dengan mengambil kira perbezaan antara cukai ke atas pendapatan tercukai dengan cukai ke atas pendapatan tercukai yang tidak termasuk pendapatan berkanun yang mengenainya cukai tidak dilepaskan. Pindaan ini akan berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2000 yang berasaskan tahun sebelumnya.

13. *Fasal 17* menerangkan bahawa tahun taksiran 2000 yang berasaskan tahun sebelumnya adalah disusuli oleh tahun taksiran 2000 yang berasaskan tahun semasa. Ini bermakna terdapat dua tahun taksiran untuk tahun kalendar 2000. *Fasal* ini akan berkuat kuasa dari 1 Januari 2000.

14. Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan dalam Rang Undang-Undang ini adalah kecil atau berbangkit.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U<sup>2</sup>)2123]